

Sebuah negara penuh kepelbagaian



Suriname (dahulunya Guyana Belanda) adalah sebuah republik yang kecil di pesisiran pantai timur laut Amerika Selatan, 80% darinya merupakan hutan hujan tropika. Adalah kebiasaan melihat monyet merentasi

pohon-pohon dan ular boa melintasi jalanan. Kawasan pedalamannya tidak terjejas dan tidak padat didiami. Suriname adalah empat kali ganda besarnya dari Belanda dan menjadi koloni Belanda pada tahun 1667. Setelah pemansuhan perhambaan pada tahun 1863, pekerja-pekerja pertanian tiba dari India dan pulau Jawa Indonesia. Kemerdekaan Suriname dari Belanda dicapai pada tahun 1975.

Kepelbagaian suku

kaum: Suriname mempunyai percampuran suku kaum,

bahasa dan agama yang menakjubkan. Orang-orang India Timur menjadikan 37% dari populasi itu, Creole (campuran hitam dan putih) 31%, orang-orang Jawa 15%, “Maroons” (hamba Afrika yang dahulunya melarikan diri ke pedalaman) 10%, Amerindian 2%, bangsa Cina 2%, orang putih dan lain-lain 3%. Sebelas bahasa digunakan di Suriname. Bahasa Belanda adalah bahasa rasmi tetapi Sranang Tongo (bahasa Surinam) digunakan oleh kebanyakan orang serta terdapat ramai juga orang yang bertutur dalam bahasa Inggeris. Keagamaan juga



agak pelbagai: agama Hindu 27.4%, Protestan 25.2% (kebanyakannya orang Moravia), Katholik 22.8%, Agama Islam 19.6% (88,000), kepercayaan asli 5%. Terdapat beberapa masjid di seluruh negara ini. Kebanyakan daripada 423,9000 orang Suriname tinggal di ibukota, iaitu “bandar bunga”, Paramaribo. Di sini, anda dapat menemui masjid, kuil Hindu, gereja, katedral dan rumah ibadat orang Yahudi di dalam lingkungan beberapa ratus meter.

Di negara-negara lain, orang-orang Muslim dipanggil

untuk berdoa dari menara masjid. Namun, di Suriname, orang-orang Muslim Jawa mengikuti tradisi nenek moyang mereka dan dipanggil oleh bunyi gendang.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Terdapat beberapa denominasi Kristian yang aktif di dalam negara ini tetapi Injil tidak berakar dengan cepat di kalangan orang-orang Jawa dan orang-orang Muslim Hindustan. Berdoalah supaya filem “Yesus”*

dan usaha media yang lain dapat menjangkau populasi Muslim. Filem “Yesus” telah digunakan secara meluas melalui tayangan filem dan di kaca tTV.

- *Lebih kurang satu pertiga dari populasi negara ini telah berpindah ke Belanda selepas Suriname merdeka. Salah sebuah masjid yang pertama di Belanda dibina pada tahun 1981 oleh pendatang-pendatang Muslim dari Suriname. Berdoalah agar orang-*



orang Muslim Suriname di Holland akan disentuh dengan Injil.



Masjid (Mosques)

Masjid adalah sebuah tempat penyembahan untuk pengikut-pengikut Islam. Perkataan

“masjid” berasal dari bahasa Arab. Tujuan utama masjid adalah digunakan sebagai sebuah tempat di mana orang-orang Muslim dapat berkumpul bersama untuk berdoa tetapi kadangkala, masjid memainkan peranan penting sebagai sebuah pusat komuniti di mana perayaan-perayaan dapat diadakan, orang ramai dapat mempelajari Islam dan bertemu dengan orang-orang Muslim yang lain. Semua masjid mempunyai balai-balai doa dan sesetengahnya mempunyai kubah dan menara. Masjid mempunyai suatu elemen yang disebut

“mihrab” iaitu ceruk yang menunjukkan arah Mekah.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

